

Penulisan Buku lambang keserjanaan sejati

oleh: Johnny Anak Petrus

JUMAAT, 21 MAC - Sebanyak 10 buah buku baharu pelbagai disiplin ilmu hasil tulisan kakitangan akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dilancarkan sempena Pesta Buku 2014, di perpustakaan UMS.

Antara judul buku terbitan UMS ialah Nilai dan Norma Masyarakat di Sabah, Warisan Seni dan Budaya Masyarakat Kepulauan Pesisir Sabah, Siri Wacana Sains Sosial: Kepelbagaian Ilmu dan Isu Sosial, SPSS: Prinsip dan Analisis Data Dalam Tingkah Laku, Bank Stock Market and Economic Growth, Problem Based Learning: The use of Real-Case Scenarios For Facilitators dan International Journal on e-Learning Practices.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata kejayaan kakitangan universiti dalam menghasilkan buku-buku berkenaan melambangkan keserjanaan sejati.



Penyampaian cenderamata oleh Dayang Rukiah kepada Datuk Masidin Manjun ketika pelancaran Pesta Buku di Perpustakaan UMS

Teks ucapannya disampaikan oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan UMS, Dayang Rukiah Awang Amit. Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun.

Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah turut merakamkan penghargaan kepada Persatuan Soka Gakai Malaysia yang telah menyumbangkan 37 buah buku kepada Perpustakaan UMS.

Tambahnya lagi, melalui sumbangan dan sokongan ini berupaya menambahkan koleksi buku yang ada di Perpustakaan UMS di samping memberi manfaat kepada para pelajar UMS dan masyarakat sekeliling.

“Selain pameran dan jualan buku, para pengunjung juga berpeluang mengetahui proses penerbitan sesebuah buku iaitu bermula dari peringkat pengurusan manuskrip sehingga proses akhir iaitu percetakan,” katanya ketika berucap.